

Kereta melambung

Metro 19/1/12 M.S.G.

Empat maut, seorang terselamat dalam kemalangan ngeri babit tiga kenderaan

FOTO | Rozainah Zakaria, Aswadi Alias dan Khairul Hamizy

>>Oleh Zaid Salim, Ahmad Rabiul Zulkifli dan Khairul Hamizy

am@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Empat lelaki maut manakala seorang wanita terselamat dalam kemalangan ngeri memabitkan tiga kereta di Jalan Sultan Mizan berhampiran Taman Semarak, di sini, kira-kira jam 6.25 petang semalam.

Mangsa terbunuh dikenali sebagai Mohd Rizal Ibrahim, 30, dari Sungai Limau, Baling, Kedah dan rakannya, Mohd Faris Mohd Shaimi, 26, kakitangan Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu yang menaiki kereta jenis Honda.

Dua mangsa lagi yang maut menaiki kereta Perodua Kancil dikenali sebagai Nor Azmi Mat Jusoh, 21, dari Felda Mengkawang, Kuala Berang, Hulu Terengganu dan Mohd Zaini Abdul Razak, 43, yang berasal dari Taman Ayer Keroh Height 1, Ayer Keroh, Melaka.

Semua mangsa cedera parah di kepala dan badan.



MOHD RIZAL

MOHD FARIS

NOR AZMI

MOHD ZAINI



REMUK...kenderaan sebuah daripada tiga kereta nahas.

Belum rasa naik pangkat

KUALA TERENGGANU: "Raut wajah Faris memang gembira sebaik mendapat tahu mengenai pelantikannya menjadi warden asrama, tetapi di sebalik kegembiraan itu saya perasan seperti ada tersembunyi kesedihan," kata Norazalina Mat Isa, 35, rakan sekerja kepada Mohd Faris Mohd Shaimi, 26, dan Mohd Rizal Ibrahim, 30, yang terbunuh dalam kemalangan di Jalan Sultan Mizan berhampiran Taman Semarak, di sini, kira-kira jam 6.25 petang, semalam.

Menurutnya, kali terakhir bertemu Faris di pejabat mereka di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Gong Badak, dekat sini, pada jam 4 petang semalam

ah di kepala dan badan.
Manakala mangsa terselamat ialah Noriani Mohamad, 36, dari Kampung Mengabang Telung, di sini, yang memandu kereta Proton Persona.

Menurut saksi, kejadian dipercayai berlaku apabila kereta Honda dari arah Stadium Sultan Mizan, di sini, terbabas dan melambung sebelum menghempap kereta Perodua Kancil yang dalam

REMO...perjalanan dari arah bertentangan.

“Kejadian itu menyebabkan pemandu Proton Persona yang berada di belakang Perodua Kancil itu terkejut sebelum membrek secara mengejut menyebabkan bahagian hadapan kereta berkenaan remuk,” katanya.

Sementara itu, Penolong Kanan Penguasa Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat

Negeri, Abdullah Zawawi Mamat yang mengetuai operasi berkenaan berkata, pihaknya tiba di tempat kejadian sebaik menerima panggilan daripada orang ramai kira-kira jam 6.30 petang.

“Kami mendapati empat daripada lima mangsa yang terbabit dalam kemalangan terbabit sudah meninggal dunia dan mengambil masa

kira-kira setengah jam bagi mengeluarkan mangsa yang tersepit,” katanya.

Ketua Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam/Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Superintendan Che Khazhari Amat ketika dihubungi mengesahkan pihaknya ada menerima laporan berhubung kejadian itu.

jam 4 petang semalam dan dia melihat gelagat Faris yang teruja selepas dilantik sebagai warden di pusat latihan berkenaan.

“Memang Faris sudah lama mengimpikan jawatan itu, tetapi mendukacitakan apabila dia meninggalkan kami. Selain dia, Rizal juga dilantik sebagai warden asrama,” katanya.



TEMAN...Amir duduk di sebelah mayat anaknya yang ditemui mati lemas, semalam.

Mangsa rindu abang

PUCHONG: “Arwah rindukan abangnya dan sampai mati pun dia tidak sempat berjumpa,” kata pengawal keselamatan, Amir Elias, 45, bapa kanak-kanak berusia 12 tahun yang ditemui lemas dalam lombong berhampiran Flat PPR Kampung Muhibah, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, mangsa yang juga murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Suria, di sini, Aekhmal Rizar, tergelincir ke dalam lombong berkenaan ketika memancing bersama rakannya sebelum mayat mangsa ditemui kira-kira dua jam kemudian oleh Unit Skuba, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Wilayah Persekutuan. Menurut Amir, dia dimak-

lumkan mengenai berita buruk itu oleh isterinya, Suhaila Ghazali, 35, pada jam 5 petang ketika sedang bertugas sebelum ke lombong berkenaan dengan menaiki bas.

“Kali terakhir saya menemui arwah yang juga anak kedua daripada tiga beradik ketika menghantarnya ke sekolah pagi tadi (semalam). Arwah juga tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap pelik dan berkelakuan seperti biasa.

“Cuma semalam (kelmarin) dia meminta izin daripada saya untuk ke Bandar Kinrara bagi mencari abangnya berusia 15 tahun yang sudah dua hari tidak pulang ke rumah kerana merajuk. Arwah cakap rindukan abangnya dan mahu cari sam-

pai jumpa,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Sementara itu, Pegawai Kanan Penguasa Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil, Che Shaari Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan jam 4.32 petang dan satu jentera bersama lapan anggota bergegas ke tempat kejadian.

“Kami dibantu lapan penyelam dari Unit Skuba bagi mencari mangsa sebelum mayatnya ditemui di dasar lombong sedalam kira-kira sembilan meter berhampiran tempat dia dikatakan tergelincir kira-kira jam 6.10 petang,” katanya.

Mayat dihantar ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) untuk bedah siasat.